

NAMA :

TINGKATAN :

MODUL PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
TAHUN 2021

MODUL 1
PENDIDIKAN ISLAM
KERTAS 1
DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Tulis **nama** dan **tingkatan** anda pada ruangan yang disediakan
2. Modul ini mengandungi lima soalan.
3. Jawab **semua** bahagian
4. Jawapan anda hendaklah ditulis pada helaian kertas jawapan yang disediakan.
5. Serahkan helaian kertas jawapan anda kepada pengawas bertugas di akhir peperiksaan.

Untuk Kegunaan Pemeriksa		
Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
1	20	
2	20	
3	20	
4	20	
5	20	
Jumlah	100	

Jawab semua soalan

1 (a) Firman Allah SWT:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوَا بِهَا إِلَى الْحَكَامِ لِتَأْكُلُوا فِرِيقًا مِّنْ
أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿١٨٨﴾

(Surah al-Baqarah : ayat 188)

Ayat di atas menerangkan tentang larangan rasuah.

Berdasarkan ayat di atas;

- (i) Nyatakan maksud rasuah. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** kesan perbuatan rasuah. [2 markah]
- (iii) Terangkan **dua** pengajaran daripada ayat di atas. [4 markah]

(b) Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنْ النَّبِيِّ ﷺ قَالَ: سَبْعَةُ يُظْلَمُهُمُ اللَّهُ فِي ظِلِّهِ، يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا
ظِلُّهُ: الْإِمَامُ الْعَادِلُ، وَشَابٌ نَشَأَ فِي عِبَادَةِ رَبِّهِ، وَرَجُلٌ قَلْبُهُ مُعَلَّقٌ فِي الْمَسَاجِدِ، وَرَجُلٌ لَا
تَحَاجَبَ فِي اللَّهِ اجْتَمَعَ عَلَيْهِ وَتَفَرَّقَ عَلَيْهِ، وَرَجُلٌ طَلَبَتْهُ امْرَأَةٌ ذَاتُ مَنْصِبٍ وَجَمَالٍ، فَقَالَ: إِنِّي
أَخَافُ اللَّهَ، وَرَجُلٌ تَصَدَّقَ، أَخْفَى حَتَّى لَا تَعْلَمُ شَمَائِلُهُ مَا تُنْفِقُ بِمَيْنَهُ، وَرَجُلٌ ذَكَرَ اللَّهَ
خَالِيًّا فَفَاضَتْ عَيْنَاهُ. (متفقٌ عَلَيْهِ)

Hadis di atas menerangkan tentang tujuh golongan yang mendapat naungan Allah SWT.

Berdasarkan hadis di atas;

- (i) Senaraikan **dua** golongan yang mendapat naungan Allah SWT selain daripada pemimpin yang adil. [2 markah]
- (ii) Jelaskan **dua** tanggungjawab pemimpin terhadap rakyat. [2 markah]

Firman Allah SWT :

إِنَّ اللَّهَ يُحِبُّ الْمُقْسِطِينَ..

Maksud : sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil

(Surah al-Mumtahanah : ayat 8)

- (iii) Bincangkan kehidupan rakyat jika pemimpin mereka menghayati sifat di atas [4 markah]

Firman Allah SWT :

فُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِثْكُمْ يُوَحَّى إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمْ إِلَهٌ وَاحِدٌ فَمَنْ كَانَ يَرْجُوا لِقَاءَ
 رَبِّهِ فَلَيَعْمَلْ عَمَلاً صَالِحًا وَلَا يُشْرِكْ بِعِبَادَةِ رَبِّهِ أَحَدًا

(Surah al-Kahfi: ayat 11)

- (c) Nyatakan **hukum tajwid** bagi perkataan yang bergaris di atas. [4 markah]

- 2 (a) Allah SWT memiliki sifat al-Muntaqim dan al-Jabar.

- (i) Nyatakan maksud al-Muntaqim. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** balasan jika manusia menyalahi sifat al-Muntaqim . [4 markah]

(iii) Menghayati Allah bersifat dengan sifat al-Jabar dapat melahirkan pelajar yang cemerlang. Bincangkan. [4 markah]

- (b) Antara aliran yang bertentangan dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah ialah Syiah.

- (i) Nyatakan sejarah kemunculan kumpulan Syiah. [2 markah]

(ii) Jelaskan **dua** prinsip Syiah yang menunjukkan golongan tersebut memuja Saidina Ali r.a. [4 markah]

(iii) Terangkan **dua** konsep yang diamalkan oleh Syiah seperti di bawah : [4 markah]

 - a. al-Imamah
 - b. al-Taqiyyah

- 3 (a) Haji dan Umrah wajib dilakukan sekali seumur hidup bagi setiap individu yang mukallaf dan berkemampuan .

- (i) Nyatakan maksud haji dari segi istilah. [2 markah]
(ii) Jelaskan **dua** ciri berkemampuan dari aspek kewangan. [4 markah]

Rosli membuat pinjaman peribadi untuk menampung perbelanjaannya ketika menunaikan ibadat haji.

- (iii) Kemukakan hujah anda tentang situasi di atas. [4 markah]

- (b) Perkahwinan ialah akad yang menghalalkan persetubuhan antara lelaki dengan perempuan menurut hukum syarak.

- (i) Nyatakan **hukum** berkahwin bagi situasi berikut :
(a) Orang yang berkemampuan serta takut terjerumus ke dalam maksiat.
(b) Orang yang berkeinginan untuk berkahwin tetapi tidak mampu memberikan nafkah.

- (ii) Terangkan **dua** hikmah perkahwinan dalam Islam. [4 markah]

- (c) Talak merupakan salah satu jalan keluar untuk menyelesaikan masalah rumah tangga.

- (i) Nyatakan maksud talak. [2 markah]
(ii) Jelaskan jenis-jenis talak. [2 markah]

- 4 (a) Kerajaan Khulafak ar-Rashidin adalah kesinambungan daripada kerajaan Islam di Madinah.
- (i) Siapakah khalifah pertama yang memerintah kerajaan Khulafak ar-Rashidin? [1 markah]
 - (ii) Senaraikan **tiga** pencapaian pemerintahan Khulafa ar-Rashidin dari segi pendidikan. [3 markah]
 - (iii) Jelaskan **dua** contoh ketegasan khalifah dalam era kepimpinan khulafak ar-Rashidin. [4 markah]
- Keunggulan kepimpinan Khulafa ar-Rashidin telah berjaya menyebarkan dakwah Islam sehingga ke Mesir, Parsi dan Rom.
- (iv) Sebagai seorang pelajar bagaimanakah anda mengembalikan keunggulan tersebut. Bincangkan. [4 markah]
- (b) Ketokohan Salahuddin al-Ayubi berjaya membawa umat Islam mencapai zaman kegemilangan kerajaan Islam.
- (i) Nyatakan riwayat hidup beliau secara ringkas. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** ketinggian akhlak beliau yang boleh dicontohi. [2 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** sumbangan Salahuddin al-Ayubi dalam bidang pentadbiran negara. [4 markah]
- 5 (a) Umat Islam sangat dituntut menghayati sifat khauf dan roja'.
- (i) Nyatakan maksud khauf. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** konsep khauf dan roja' yang seimbang. [4 markah]
 - (iii) Terangkan **dua** hikmah terhadap individu yang menghayati sifat khauf dan roja'. [4 markah]
- (b) Umat Islam yang beristiqamah melaksanakan ibadah akan disukai oleh Allah SWT.
- (i) Apakah maksud istiqamah. [2 markah]
 - (ii) Jelaskan **dua** cara memiliki sifat istiqamah. [4 markah]
 - (iii) Ramalkan kemungkinan yang akan berlaku sekiranya umat Islam mengabaikan sifat istiqamah dalam kehidupan mereka. [4 markah]

TAMAT